

AKTA KONTRAK. 1950

Akta 126

Suatu Akta mengenai kontrak-kontrak.

[Kuala Lumpur, Johor, Kedah, Kelantan,
Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis,
Selangor dan Trengganu—23hb Mei 1950;
Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan
Sarawak—1hb Julai 1974]

BAB I

PERMULAAN

1. Tajuk ringkas dan pemakaian.

- (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kontrak 1950.
- (2) Tiada apa-apa yang terkandung dalam Akta ini boleh menentuhkan peruntukan-peruntukan mana-mana Akta bertulis atau mana-mana kelaziman atau adat trad. atau sebarang perkara yang berkaitan dengan mana-mana kontrak, yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini.

2. Tafsiran.

Dalam Akta ini, perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan yang berikut adalah digunakan dalam pengertian yang berikut, melainkan jika dalam kandungan peruntukan ternyata maksud lain:

- (a) apabila seseorang menyatakan kesediaannya kepada seorang yang lain untuk melakukan atau menahan diri dari melakukan sesuatu, dengan maksud untuk memperolehi persetujuan orang itu untuk berbuat sesuatu atau menahan diri dari berbuat seseorang itu, maka bolehlah dikatakan bahawa orang itu membuat cadangan (TAWARAN)

- (b) apabila orang kepada siapa cadangan itu dibuat

↙ Ingi wujud apabila sesuatu cadangan itu diterima

AKTA KONTRAK, 1950

Akta 126

Suatu Akta mengenai kontrak-kontrak.

[Kuala Lumpur, Johor, Kedah, Kelantan,
Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis,
Selangor dan Trengganu—23hb Mei 1950;
Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan
Sarawak—1hb Julai 1974.]

BAB I

PERMULAAN

1. Tajuk ringkas dan pemakaian.

(1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kontrak 1950.

(2) Tiada apa-apa yang terkandung dalam Akta ini boleh menyentuh peruntukan-peruntukan mana-mana Akta bertulis atau mana-mana kelaziman atau adat trad. atau sebarang perkara yang berkaitan dengan mana-mana kontrak, yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini.

2. Tafsiran.

Dalam Akta ini, perkataan-perkataan dan per-bahasan-perbahasan yang berikut adalah digunakan dalam pengertian yang berikut, melainkan jika dalam kandungan peruntukan ternyata maksud lain:

(a) apabila seseorang menyatakan kesediaannya kepada seorang yang lain untuk melakukan atau menahan diri dari melakukan sesuatu, dengan maksud untuk memperolehi persetujuan orang itu untuk berbuat sesuatu atau menahan diri dari berbuat seseorang itu, maka bolehlah dikatakan bahawa orang itu membuat cadangan (TAWARAN)

(b) apabila orang kepada siapa cadangan itu dibuat

↙ Jadi wujud apabila sesuatu cadangan itu diterima

menyatakan (persetujuan dengan cadangan) itu maka bolehlah dikatakan bahawa cadangan itu diterima (sesuatu cadangan bila diterima adalah menjadi janji).

(c) orang yang membuat cadangan disebut "pembuat janji" dan orang yang menerima cadangan disebut "penerima janji".

(d) menurut kehendak pembuat janji apabila penerima janji atau siapa sahaja yang telah membuat atau telah menahan diri dari membuat sesuatu, atau membuat atau menahan diri dari menahan diri atau janji itu adalah disebut balasan untuk janji itu.

(e) setiap janji dan setiap set janji yang menjadi balasan pihak masing-masing adalah suatu perjanjian.

(f) janji yang merupakan balasan atau sebahagian balasan untuk pihak masing-masing adalah disebut janji berbalas (reciprocal premises).

(g) sesuatu perjanjian yang tidak boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang adalah batal.

(h) sesuatu perjanjian yang boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang adalah satu kontrak.

(i) sesuatu perjanjian yang boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang atas opsi satu pihak atau lebih dari pihak-pihak perjanjian itu, tetapi tidak berdasarkan atas opsi pihak atau pihak yang lain, adalah suatu kontrak boleh batal.

(j) sesuatu kontrak yang terhenti daripada boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang menjadi batal bila ianya tidak lagi boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang.

BAB II

MENGENAL KOMUNIKASI PENERIMAAN, DAN PEMBATALAN CADANGAN

3. Komunikasi, penerimaan, dan pembatalan cadangan.

Komunikasi cadangan, penerimaan cadangan, pembatalan cadangan dan pembatalan penerimaan masing-masingnya adalah dianggap dibuat dengan mana-mana perbuatan atau ketinggalan perbuatan oleh pihak yang mencadang, yang menerima atau yang membatalkan, dengan mana pihak itu berniat untuk mengkomunikasikan cadangan, penerimaan, atau pembatalan itu, atau yang pembatalan itu atau yang mempunyai akibat untuk mengkomunikasikan cadangan itu.

4. Komunikasi bila lengkap.

(1) Komunikasi cadangan adalah lengkap, bila cadangan itu sampai kepada pengetahuan pihak kepada siapa cadangan itu dibuat.

(2) Komunikasi penerimaan adalah lengkap—

(a) terhadap pencadang, bila komunikasi penerimaan itu telah dimasukkan ke dalam perjalanan pengiriman kepadanya, di mana ianya berada di luar kuasa penerima;

(b) terhadap penerima, bila komunikasi penerimaan itu telah sampai kepada pengetahuan pencadang.

(3) Komunikasi pembatalan adalah lengkap—

(a) terhadap orang yang membuat pembatalan, bila komunikasi pembatalan itu telah dimasukkan ke dalam perjalanan pengiriman kepada siapa pembatalan itu dibuat, di mana ianya berada di luar kuasa orang yang membuatnya;

(b) terhadap orang kepada siapa yang ianya dibuat, bila pembatalan itu sampai kepada pengetahuan.

MISALAN: MISALAN

(a) A mencadangkan, secara bersurat untuk menjual sebuah

rumah kepada B, dengan harga yang tertentu

Komunikasi cadangan itu adalah lengkap apabila B terima surat itu

(b) B menerima cadangan A yang dibuat dengan surat melalui pos

Komunikasi penerimaan itu adalah lengkap—

terhadap A apabila surat telah diposkan

terhadap B apabila surat diterima oleh A

(c) A membatalkan cadangannya melalui taligram

Pembatalan itu adalah lengkap terhadap A apabila taligram

itu dikirim. Pembatalan adalah lengkap terhadap B apabila B terima taligram itu

(d) B membatalkan penerimaannya melalui taligram

Pembatalan oleh B adalah lengkap terhadap B apabila taligram itu dikirim dan terhadap A apabila taligram itu sampai kepadanya

5. Pembatalan cadangan dan penerimaan.

(1) Sesuatu cadangan boleh dibatalkan pada bila-bila masa sebelum komunikasi penerimaannya adalah lengkap terhadap pencadang, tetapi tidak selepasnya.

(2) Sesuatu penerimaan boleh dibatalkan pada bila-bila masa sebelum komunikasi penerimaan itu adalah lengkap terhadap penerima, tetapi tidak selepasnya.

MISALAN

A mencadang secara bersurat melalui pos, untuk menjual rumahnya kepada B

B menerima cadangan itu secara bersurat melalui pos

A boleh membatalkan cadangannya pada bila-bila masa sebelum atau pada saat B mengirim surat penerimaannya melalui pos, tetapi tidak selepasnya.

B boleh membatalkan penerimaannya sebelum atau pada saat surat perhubungan itu sampai kepada A, tetapi tidak selepasnya.

6. Pembatalan dan syarat-syaratnya.

Sesuatu cadangan adalah dibatalkan—

(a) dengan mengkomunikasikan notis pembatalan oleh pencadang kepada pihak yang lain itu;

(b) dengan luputnya waktu yang telah ditetapkan dalam cadangan itu mengenai penerimaannya, atau, bila waktu tidak ditetapkan sedemikian.

dengan luputnya waktu yang munasabah, tanpa komunikasi penerimaan itu.

- (c) atas kemungkiran penerima untuk memenuhi syarat terdahulu mengenai penerimaan, atau
- (d) atas kematian atau sakit otak pencadang, jika fakta kematian atau sakit otak itu diketahui oleh penerima sebelum penerimaan.

7. Penerimaan mesti mutlak.

Untuk menjadikan sesuatu cadangan itu sebagai suatu janji, maka penerimaan itu mestilah—

(a) mutlak dan tak bersyarat;

(b) dinyatakan secara biasa dan munasabah melainkan jika cadangan itu menetapkan cara penerimaan. Jika cadangan itu menetapkan cara penerimaannya, dan penerimaan itu tidak dibuat menurut cara yang ditetapkan itu maka pencadang, dalam tempoh yang munasabah sesudah penerimaan itu dikomunikasikan kepadanya, boleh menegaskan bahawa cadangan itu hendaklah diterima menurut cara yang telah ditetapkan dan tidak sebaliknya, tetapi, jika ia mungkir berbuat demikian, maka ia adalah menerima penerimaan itu.

8. Penerimaan dengan penunaian syarat, atau penerimaan balasan.

Penunaian syarat-syarat sesuatu cadangan, atau penerimaan mana-mana balasan untuk janji berbalas yang boleh ditawarkan dengan satu cadangan, adalah penerimaan cadangan itu.

9. Janji nyata atau sifat-ada.

Sejauh mana cadangan atau penerimaan mana-mana janji dibuat dengan kata-kata, maka janji itu adalah dikatakan nyata. Sejauh mana cadangan atau penerimaan itu dibuat selain dari kata-kata, maka janji itu adalah dikatakan sifat—ada.

BAB III

MENGENAI KONTRAK, KONTRAK BOLEH-BATAL DAN PERJANJIAN BATAL

10. Perjanjian apa merupakan(kontrak)

(1) Semua perjanjian adalah kontrak jika dibuat atas kerelaan bebas pihak-pihak yang layak membuat kontrak, untuk sesuatu balasan yang sah, dan dengan sesuatu tujuan yang sah, dan tidak ditetapkan dengan nyata di bawah peruntukan Ordinan ini bahawa ianya batal.

(2) Tiada sesuatu yang terkandung dalam Ordinan ini boleh menyentuh mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa di Persekutuan yang menetapkan bahawa mana-mana kontrak mestilah dibuat secara bertulis atau di hadapan saksi, atau mana-mana undang-undang mengenai pendaftaran dokumen-dokumen.

11. Siapa layak membuat kontrak.

Setiap orang adalah layak membuat kontrak sekiranya ia dewasa menurut undang-undang yang mana ia tertakluk, dan sekiranya ia berakal sempurna, dan tidak hilang kelayakan untuk membuat kontrak menurut mana-mana undang-undang yang mana ia tertakluk.

12. Apakah akal sempurna untuk maksud membuat kontrak.

(1) Seseorang adalah dikatakan berakal sempurna untuk maksud membuat kontrak jika, pada masa ia membuat kontrak itu, ia berkeupayaan memahami kontrak yang diperbuatnya dan berkeupayaan membuat pertimbangan yang rasional terhadap kesan atas kepentingannya.

(2) Seseorang yang lazimnya tak berakal sempurna, tetapi sekali sekala berakal sempurna, boleh membuat kontrak bila ia berakal sempurna.

(3) Seseorang yang lazimnya berakal sempurna, tetapi sekali sekala tak berakal sempurna, tidak boleh membuat kontrak bila ia tak berakal sempurna.


[illegible]

Dua orang atau lebih boleh dikatakan berkerelahan bila mereka bersetuju mengenai satu perkara yang sama dalam pengertian yang sama.

Kerohan adalah disamping bebas juga tidak disesatkan

- Kerelaan adalah dikatakan sebagai disebabkan sedemikian bila ia tidak semestinya diberi, melainkan adanya paksaan, pengaruh tak berpatutan, tipuan, salahnyata atau khilaf sedemikian itu.

"Paksaan" ialah melakukan apa-apa perbuatan, atau mengancam untuk melakukan apa-apa perbuatan yang dilarang oleh Kanun keseksaan, atau menahan secara tak sah atau mengancam untuk menahan, apa-apa harta, dengan memudaratkan sesiapa jua, dengan niat menyebabkan



TAMAT



UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM .

